

**SOALAN NO. : 345**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**NO. RUJUKAN DR048**

**SOALAN:**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah projek tebatan banjir di Kelantan khususnya di sepanjang Sungai Golok akan dilaksanakan dan nyatakan maklumat terperinci mengenai projek ini. Bilakah projek tebatan banjir di Kelantan khususnya di sepanjang Sungai Golok akan dilaksanakan dan nyatakan maklumat terperinci mengenai projek ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di dalam RMKe-11 telah meluluskan sebanyak RM300 juta untuk Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1 dan RM572 juta pula bagi PLSB Sungai Kelantan Fasa 1 di Negeri Kelantan yang turut mengandungi komponen tebatan banjir dan pengerukan muara sungai selain struktur perlindungan pantai. Kerja-kerja pengukuran tanah bagi proses pengambilan tanah sedang dijalankan dan kerja-kerja fizikal dijangka akan mula dilaksanakan pada suku ketiga tahun 2017.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN SITI ZAILAH BINTI  
MOHD YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

**SOALAN :**

**YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci prestasi dan  
pencapaian Jabatan Pembangunan Persekutuan yang diwujudkan di  
negeri negeri serta prestasi pencapaian status semua projek yang telah  
diluluskan untuk tahun 2013 hingga 2016.**

SULIT

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan dalam penyelarasan projek-projek fizikal binaan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) yang diluluskan bagi tahun 2013 hingga tahun 2016 adalah seperti berikut:

| TAHUN                   | BIL. PROJEK | PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM JUTA) |
|-------------------------|-------------|--------------------------------------|
| 2013                    | 236         | 820.56                               |
| 2014                    | 210         | 933.45                               |
| 2015                    | 291         | 1,265.69                             |
| 2016 (sehingga Oktober) | 278         | 1,272.71                             |
| <b>JUMLAH</b>           |             | <b>4,292.41</b>                      |

Sekian. Terima kasih.